

TERMA DAN SYARAT PROGRAM HARI BERSAMA PELANGGAN AR-RAHNU 2026

1. Penganjur

Program Hari Bersama Pelanggan Ar-Rahnu anjuran Bank Rakyat bertemakan "Gemer8" dengan 8 tawaran istimewa sepertimana yang disenaraikan di bawah sempena 8.8.26.

2. Tempoh Program

2.1 Program berlangsung pada **8 Ogos 2026 (Sabtu)** bermula **9.00 pagi hingga 3.00 petang** di 50 cawangan Combo & Ar-Rahnu X'Change (ARX). Senarai cawangan yang terlibat boleh dirujuk di **Lampiran A** di bahagian akhir Terma dan Syarat ini.

2.2 Senarai tawaran-tawaran yang akan berlangsung dalam tempoh Program adalah seperti berikut:

Senarai Tawaran	Jenis Tawaran	Tempoh sah Tawaran
Tawaran 1	Kadar Keuntungan 25% Lebih Rendah dari sedia ada	8 Ogos 2026 hingga 15 Ogos 2026
Tawaran 2	Hadiah Istimewa untuk 8 Pelanggan Terawal	8 Ogos 2026
Tawaran 3	Baucar Diskaun RM8.88/g Rakyat Management Services (RMS) Gold	8 Ogos 2026 hingga 15 Ogos 2026
Tawaran 4	Penilaian dan Cucian Emas PERCUMA	8 Ogos 2026
Tawaran 5	8x Ganda Unit Kelayakan Cabutan Bulanan Akaun Pelaburan-i Rizq Plus	8 Ogos 2026
Tawaran 6	10x Ganda Unit Kelayakan Akaun Pelaburan-i Rizq Plus	1 Julai 2026 hingga 31 Disember 2026
Tawaran 7	Cenderamata	8 Ogos 2026
Tawaran 8	Jamuan Ringan	8 Ogos 2026

2.3 Bank Rakyat berhak meminda, menangguhkan atau menamatkan Program ini sekiranya perlu.

3. Tawaran 1 – Kadar Keuntungan 25% Lebih Rendah dari sedia ada

- 3.1 Tawaran ini sah untuk pelanggan yang melakukan transaksi **Pembiayaan Pajak Gadai-i baharu** sahaja pada **8 hingga 15 Ogos 2026**.
- 3.2 Tawaran ini tertakluk kepada terma dan syarat Pembiayaan Pajak Gadai-i Bank Rakyat.

4. Tawaran 2 – Hadiah Istimewa untuk 8 Pelanggan Terawal

- 4.1 Tawaran ini terhad kepada **lapan (8) pelanggan terawal** yang berjaya melakukan transaksi Pembiayaan Pajak Gadai-i pada **8 Ogos 2026** di cawangan Ar-Rahnu X'Change yang tersenarai.
- 4.2 Pelanggan yang layak hanya terhad untuk menerima **satu (1) hadiah** sepanjang tempoh Program.
- 4.3 Jenis, jenama dan nilai hadiah adalah ditentukan oleh cawangan Ar-Rahnu X'Change masing-masing. Hadiah yang diterima di setiap cawangan Ar-Rahnu X'Change mungkin berbeza dengan cawangan Ar-Rahnu X'Change yang lain.
- 4.4 Hadiah adalah tertakluk kepada ketersediaan stok dan tidak boleh ditukar dengan wang tunai atau hadiah lain.

5. Tawaran 3 – Baucar Diskaun RM8.88/g Rakyat Management Services (RMS) Gold

- 5.1 Tawaran ini terhad kepada **20 pelanggan terawal** yang berjaya melakukan transaksi Pembiayaan Pajak Gadai-i pada **8 Ogos 2026** di cawangan Ar-Rahnu X'Change yang tersenarai.
- 5.2 Tawaran ini hanya sah digunakan bagi pembelian **barang kemas *preloved*** melalui laman web RMS Gold di <https://rmsgold.com.my>.
- 5.3 Baucar untuk Tawaran ini boleh digunakan bermula **8 Ogos 2026 hingga 15 Ogos 2026**.
- 5.4 Caj penghantaran (Semenanjung, Sabah & Sarawak) termasuk perlindungan takaful adalah **PERCUMA**.

- 5.5 Baucar untuk Tawaran ini tidak boleh dipindah milik atau ditukar kepada wang tunai.
- 5.6 Penggunaan baucar adalah tertakluk kepada terma dan syarat RMS Gold yang boleh dirujuk melauai pautan <https://rmsgold.com.my/terms-and-conditions>.
- 5.7 Sebarang pertanyaan berkaitan promosi RMS Gold ini boleh diajukan kepada RMS Gold melalui talian *WhatsApp* di **019-329 8035**.

6. Tawaran 4 – Penilaian dan Cucian Emas PERCUMA

Perkhidmatan ini adalah tertakluk kepada keadaan operasi dan ketersediaan peralatan di cawangan Ar-Rahnu X'Change yang mengambil bahagian. Sekiranya perkhidmatan tidak dapat disediakan atas sebab-sebab di luar kawalan, Bank tidak bertanggungjawab terhadap sebarang tuntutan berkaitan tawaran ini.

7. Tawaran 5 – 8x Ganda Unit Kelayakan Cabutan Bulanan Akaun Pelaburan-i Rizq Plus

7.1 Kelayakan

7.1.1 Pelanggan hendaklah memenuhi salah satu syarat berikut pada **8 Ogos 2026**:

- membuka Akaun Pelaburan-i Rizq Plus baharu di cawangan Ar-Rahnu X'Change yang tersenarai; **ATAU**
- melakukan transaksi Pembiayaan Pajak Gadai-i dan mengkreditkan pembiayaan tersebut ke Akaun Pelaburan-i Rizq Plus.

7.1.2 Pelanggan hendaklah mengekalkan baki penutupan minimum **RM500** di dalam Akaun Pelaburan-i Rizq Plus pada **31 Ogos 2026**.

7.2 Ganjaran

7.2.1 Pelanggan yang memenuhi syarat kelayakan akan menerima **8x ganda unit kelayakan** bagi Cabutan Bulanan Akaun Pelaburan-i Rizq Plus untuk **cabutan bulan September 2026**.

7.2.2 Ganjaran 8x ganda unit kelayakan ini hanya diberikan **sekali sahaja (one-off)** kepada pelanggan yang layak sepanjang tempoh Program.

7.3 Mekanisme Pengiraan

7.3.1 Unit kelayakan 8x ganda akan dikira berdasarkan **baki purata Akaun Pelaburan-i Rizq Plus bagi bulan Ogos 2026**, dengan syarat baki penutupan pada **31 Ogos 2026** adalah sekurang-kurangnya **RM500**.

7.3.2 Contoh pengiraan adalah seperti berikut:

SENARIO 1 - LAYAK	SENARIO 2 – TIDAK LAYAK
- Transaksi pada 8 Ogos 2026: - membuka Akaun Pelaburan-i Rizq Plus; ATAU - melakukan transaksi Pembiayaan Pajak Gadai-i dan mengkreditkan pembiayaan tersebut ke Akaun Pelaburan-i Rizq Plus. - Baki penutupan pada 31 Ogos 2026: RM800 - Baki purata bulan Ogos 2026: RM1,000 Pengiraan: - Unit kelayakan asas = $RM1,000 \div RM100 = 10 \text{ unit}$ - Unit kelayakan promosi = $10 \text{ unit} \times 8 = 80 \text{ unit}$	- Baki penutupan pada 31 Ogos 2026: RM400 - Oleh kerana baki penutupan tidak mencapai minimum RM500, pelanggan tidak layak menerima 8x ganda unit kelayakan.

7.4 Tawaran ini tertakluk kepada terma dan syarat Akaun Pelaburan-i Rizq Plus dan Keputusan oleh Bank Rakyat.

8. Tawaran 6 – 10x Ganda Unit Kelayakan Akaun Pelaburan-i Rizq Plus

8.1 Tawaran ini adalah sebahagian daripada **Kempen Gandakan Peluang Rizq Plus Bersama Ar-Rahnu Refinancing (eOverlap)** yang berlangsung dari **1 Julai hingga 31 Disember 2026**.

8.2 Tawaran ini terbuka kepada pelanggan yang:

- melakukan transaksi **Pembiayaan Semula Ar-Rahnu (eOverlap)**; dan
- mengkreditkan pembiayaan tersebut ke dalam **Akaun Pelaburan-i Rizq Plus**.

8.3 Pelanggan yang memenuhi syarat kempen akan menerima **10x ganda unit kelayakan** bagi **Cabutan Bulanan** dan **Cabutan Negeri** Akaun Pelaburan-i Rizq Plus.

- 8.4 Kelayakan penyertaan, mekanisme pengiraan unit kelayakan, syarat baki minimum Akaun Pelaburan-i Rizq Plus, tempoh kempen serta terma-terma lain adalah tertakluk kepada **terma dan syarat Kempen Gandakan Peluang Rizq Plus Bersama Ar-Rahnu Refinancing (eOverlap)** yang boleh dirujuk melalui laman sesawang Bank Rakyat di <https://www.bankrakyat.com.my/portal-main/campaign-details?id=gandakan-peluang-rizq-plus-bersama-ar-rahnu-refinancing-eoverlap>
-

9. Tawaran 7 – Cenderamata

- 9.1 Tawaran ini terbuka kepada pelanggan yang melanggan **Group Credit Term Takaful (GCTT) Ar-Rahnu** atau membuka **Akaun-i eGold** pada **8 Ogos 2026**.
- 9.2 Tawaran ini terhad kepada **100 unit cenderamata** di cawangan Ar-Rahnu X'Change yang terlibat.
- 9.3 Pelanggan yang layak hanya terhad untuk menerima satu (1) cenderamata bagi setiap produk yang dilanggan.
-

10. Tawaran 8 – Jamuan Ringan

Jamuan ringan disediakan kepada pelanggan yang hadir di cawangan yang mengambil bahagian sempena Program Hari Bersama Pelanggan Ar-Rahnu pada **8 Ogos 2026** sebagai tanda penghargaan kepada pelanggan.

11. Lain-lain

- 11.1 Semua tawaran adalah tertakluk kepada kelayakan pelanggan serta terma dan syarat produk yang berkaitan.
- 11.2 Semua hadiah, baucar dan cenderahati adalah tertakluk kepada ketersediaan stok.
- 11.3 Bank Rakyat berhak untuk mengubah, meminda atau menamatkan mana-mana tawaran atau Program ini pada bila-bila masa sekiranya perlu.

12. Terma Dan Syarat Am

- 12.1 Dengan menyertai kempen ini, pelabur atau pelanggan secara nyata bersetuju membenarkan data peribadi mereka dikumpul, diproses dan digunakan oleh Bank Rakyat mengikut Notis Privasi Bank Rakyat yang boleh dilayari di www.bankrakyat.com.my
- 12.2 Pelabur atau pelanggan bersetuju untuk memberikan hak eksklusif kepada Bank Rakyat untuk mencetak dan menerbitkan nama dan gambar untuk tujuan promosi di akhbar, majalah, laman sesawang Bank Rakyat atau mana-mana saluran bersesuaian yang ditetapkan oleh Bank.
- 12.3 Dengan menyertai kempen ini, pelabur atau pelanggan bersetuju untuk membenarkan Bank, anak syarikat, sekutu, pemegang lesen, pengarah, pegawai, ejen, kontraktor bebas dan agensi pengiklanan penggunaan promosi nama pelanggan dan butiran peribadi (jika diperlukan) untuk komunikasi, perdagangan promosi, secara keseluruhan dalam mana-mana media yang ada sekarang atau pada masa hadapan tanpa pampasan lanjut melainkan dilarang oleh undang-undang.
- 12.4 Melainkan dinyatakan sebaliknya, Bank Rakyat boleh meminda, membatalkan atau menambah mana-mana terma dan syarat ini dari semasa ke semasa dengan memberi notis terlebih dahulu di laman sesawang Bank Rakyat atau mana-mana medium komunikasi lain yang sesuai dan sebarang pindaan, pembatalan atau penambahan akan berkuat kuasa selepas notis dikeluarkan atau diterbitkan.
- 12.5 Bank Rakyat berhak untuk menolak dan/atau mengeluarkan mana-mana penyertaan yang tidak tepat, tidak lengkap, mencurigakan atau tidak sah serta tidak memenuhi syarat seperti yang dinyatakan dalam terma dan syarat.
- 12.6 **PENAFIAN: TERTAKLUK PADA SEJAUH MANA YANG DIBENARKAN OLEH UNDANG-UNDANG, BANK RAKYAT TIDAK AKAN BERTANGGUNGJAWAB TERHADAP MANA-MANA PELABUR ATAU PELANGGAN (KECUALI UNTUK LIABILITI YANG TIMBUL DARIPADA KECUAIAN MELAMPAU, SALAH LAKU,**

SENGAJA, FRAUD ATAU KEINGKARAN SENGAJA BANK RAKYAT) UNTUK MANA-MANA KERUGIAN LANGSUNG, TIDAK LANGSUNG, KHAS, SAMPINGAN, AKIBAT KEROSAKAN ATAU GANTI RUGI TELADAN (TERMASUK KEHILANGAN PENGGUNAAN, DATA, PERNIAGAAN ATAU KEUNTUNGAN) ATAU BERKAITAN DENGAN PENYERTAAN PELABUR ATAU PELANGGAN DALAM KEMPEN INI, SAMA ADA LIABILITI AKAN TIMBUL DARIPADA SEBARANG TUNTUTAN BERDASARKAN KONTRAK, WARANTI, TORT (TERMASUK KECUAIAN), TANGGUNGJAWAB ATAU PIHAK LAINNYA DAN SEBARANG KERUGIAN TERSEBUT ATAU KEROSAKAN BOLEH BERLAKU.

- 12.7 Bank Rakyat tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kemungkinan yang disebabkan oleh bencana alam, peperangan, rusuhan, perintah berkurung, kebakaran, banjir, kemarau, ribut, epidemik atau pandemik, kegagalan sistem atau sebarang keadaan di luar kawalan Bank.
- 12.8 Dengan menyertai kempen ini, pelabur atau pelanggan secara nyata bersetuju untuk terikat dengan terma dan syarat yang terkandung di sini, termasuk keputusan Bank Rakyat yang muktamad, mengikat dan konklusif.
- 12.9 Terma dan syarat akan ditadbir dan ditafsirkan mengikut undang-undang di Malaysia. Untuk maklumat dan pertanyaan lanjut, sila hubungi Pusat Panggilan Bank Rakyat di talian 1300 80 5454 atau kunjungi cawangan Bank Rakyat berdekatan atau layari laman sesawang rasmi Bank Rakyat di www.bankrakyat.com.my.

-TAMAT-

LAMPIRAN A

NO	NEGERI	CAWANGAN / LOKASI	ALAMAT	KATEGORI CAWANGAN
1	KELANTAN	KOTA BHARU	TINGKAT BAWAH, LOT PT 68, BANGUNAN YABMUD, JALAN KEBUN SULTAN, 15350 KOTA BHARU KELANTAN DARUL NAIM.	AR-RAHNU X'CHANGE
2	JOHOR	ULU TIRAM (KOTA TINGGI)	NO. 1 JALAN LEDANG 25, TAMAN BUKIT TIRAM, 81800 ULU TIRAM, JOHOR DARUL TAKZIM.	AR-RAHNU X'CHANGE
3	SELANGOR	AMPANG (AMPANG)	NO 6-G, TINGKAT BAWAH, JALAN DAGANG 1/1A TAMAN DAGANG, 68000 AMPANG SELANGOR DARUL EHSAN.	AR-RAHNU X'CHANGE
4	PAHANG	KUANTAN	NO. 43A, GROUND FLOOR, JALAN HAJI ABDUL AZIZ, 25000 KUANTAN, PAHANG	AR-RAHNU X'CHANGE
5	TERENGGANU	KEMAMAN	KEDAI AR-RAHNU KEMAMAN NO.22 JALAN SULAIMANI CHUKAI 24000 KEMAMAN, TERENGGANU.	AR-RAHNU X'CHANGE
6	KUALA LUMPUR	SENTUL (JALAN IPOH)	NO. 22, JALAN 14/48 A JALAN 14/48 A SENTUL RAYA BOULEVARD 51000 KUALA LUMPUR	AR-RAHNU X'CHANGE
7	PERAK	TELUK INTAN (TELUK INTAN)	NO 61-A, JALAN SELAT, 36000 TELUK INTAN PERAK PERAK DARUL RIDZUAN.	AR-RAHNU X'CHANGE
8	JOHOR	MUAR	NO. 25-2, JALAN MAJIDI 84000 MUAR JOHOR DARUL TAKZIM.	AR-RAHNU X'CHANGE
9	MELAKA	MELAKA SENTRAL	NO. 49, TINGKAT BAWAH, JALAN PMS 1 PLAZA MELAKA SENTRAL 75400 MELAKA.	AR-RAHNU X'CHANGE
10	SELANGOR	BALAKONG (SERDANG RAYA)	NO. 7G, JALAN CHERAS MAJU PUSAT PERNIAGAAN CHERAS MAJU 43200 BALAKONG SELANGOR DARUL EHSAN.	AR-RAHNU X'CHANGE

11	KEDAH	MERGONG (MERGONG)	NO. 19, LORONG PUTIH 9 TAMAN RAKYAT MERGONG 05150 ALOR SETAR KEDAH DARUL AMAN.	AR-RAHNU X'CHANGE
15	SELANGOR	MELAWATI (MELAWATI)	G-1, MELAWATI CORPORATE CENTRE, TAMAN MELAWATI, 53100 KUALA LUMPUR	AR-RAHNU X'CHANGE
16	MELAKA	SUNGAI UDANG (MASJID TANAH)	NO 2, TINGKAT BAWAH, JALAN PAHLAWAN 7 TAMAN PAHLAWAN 76300 SUNGAI UDANG MELAKA.	AR-RAHNU X'CHANGE
17	N. SEMBILAN	REMBAU (TAMPIN)	NO. 990, TINGKAT BAWAH JALAN TERENTANG 71300 REMBAU NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS.	AR-RAHNU X'CHANGE
18	KEDAH	CHANGLUN (JITRA)	NO. 61-B, PEKAN BARU, JALAN KODIANG, 06010 CHANGLUN, KEDAH DARUL AMAN.	AR-RAHNU X'CHANGE
19	KELANTAN	JELAWAT (KUBANG KERIAN)	LOT 164, PEKAN JELAWAT 16070 BACHOK KELANTAN DARUL NAIM.	AR-RAHNU X'CHANGE
21	JOHOR	KLUANG (KLUANG)	NO. 22, TINGKAT BAWAH JALAN PESONA 2, TAMAN PESONA 86000 KLUANG, JOHOR	AR-RAHNU X'CHANGE
23	SARAWAK	SATOK (SATOK)	LOT 497, SEKSYEN 6 KTLD JALAN KULAS TENGAH 93400 KUCHING SARAWAK.	AR-RAHNU X'CHANGE
24	PERAK	SITIAWAN (MANJUNG)	NO. 25, TINGKAT BAWAH TAMAN SENTOSA, JALAN LUMUT 32000 SITIAWAN PERAK DARUL RIDZUAN.	AR-RAHNU X'CHANGE
25	KEDAH	LANGKAWI	NO. 140 & 142, PERSIARAN BUNGA RAYA, LANGKAWI MALL, 07000 LANGKAWI, KEDAH	AR-RAHNU X'CHANGE
27	SELANGOR	SHAH ALAM	NO. 9 & 11, JALAN TENGKU AMPUAN ZABEDAH H/9H,	AR-RAHNU X'CHANGE

			SEKSYEN 9, 40000 SHAH ALAM, SELANGOR	
32	SELANGOR	BDR TASIK PUTERI (RAWANG)	NO. 69-G & 1, JALAN 7A/3 BANDAR TASIK PUTERI 48020 RAWANG SELANGOR DARUL EHSAN.	COMBO
33	SELANGOR	BERANANG (KAJANG)	NO. 27-G & 1, JALAN TPS 2/1 TAMAN PELANGI SEMENYIH 2 43700 BARANANG SELANGOR DARUL EHSAN.	COMBO
36	TERENGGANU	CHABANG TIGA (K.TERENGGANU)	NO. 2 & 3, TINGKAT BAWAH, WISMA KY KG. CHABANG 3, SIMPANG TOK KU 21000 KUALA TERENGGANU TERENGGANU DARUL IMAN	COMBO
40	KEDAH	SUNGAI PETANI (SG PETANI)	NO. 21 F, JALAN IBRAHIM 08000 SG. PETANI KEDAH DARUL AMAN.	COMBO
42	KEDAH	ALOR SETAR (ALOR SETAR)	NO 33 & 34 JALAN SPK 1 PEKAN SIMPANG KUALA 05400 ALOR SETAR KEDAH DARUL AMAN	COMBO
43	SELANGOR	BANGI (BDR BARU BANGI)	LOT 1.01 TINGKAT BAWAH WISMA UNIKEB 43609 BANGI SELANGOR DARUL EHSAN	COMBO
12	SELANGOR	BATANG KALI (RAWANG)	NO. 37, JALAN MAHOGANI 7/1 SEKSYEN 4, BANDAR UTAMA BATANG KALI 44300 BATANG KALI SELANGOR DARUL EHSAN.	AR-RAHNU X'CHANGE
13	JOHOR	TANGKAK (JASIN)	NO. 9, TINGKAT BAWAH & MEZZANINE, JALAN MUAR 84900 TANGKAK JOHOR DARUL TAKZIM.	AR-RAHNU X'CHANGE
14	PERAK	SIMPANG (TAIPING)	NO. 31, TINGKAT BAWAH SUSUR SIMPANG JALAN KG. DEW 34700 SIMPANG PERAK DARUL RIDZUAN.	AR-RAHNU X'CHANGE
20	PERAK	BATU GAJAH (MEDAN GOPENG)	NO. 5, TINGKAT BAWAH, JALAN DEWANGSA 31000 BATU GAJAH PERAK DARUL RIDZUAN.	AR-RAHNU X'CHANGE

22	JOHOR	MASAI (MASAI)	NO.16, JALAN SEJAMBAK 14, TAMAN BUKIT DAHLIA 81700 PASIR GUDANG JOHOR DARUL TAKZIM.	AR-RAHNU X'CHANGE
26	KUALA LUMPUR	JALAN RAKYAT (UTAMA)	TINGKAT GB, MENARA 1 MENARA KEMBAR BANK RAKYAT NO. 33, JALAN RAKYAT, 50470 KUALA LUMPUR.	AR-RAHNU X'CHANGE
28	N. SEMBILAN	GEMAS (TAMPIN)	LOT 4642, TINGKAT BAWAH, PEKAN GEMAS, 73400 GEMAS, N.SEMBILAN.	COMBO
29	JOHOR	PARIT RAJA (BATU PAHAT)	NO. 52 & 53, JALAN UNIVERSITI 1 TAMAN UNIVERSITI 86400 PARIT RAJA JOHOR DARUL TAKZIM.	COMBO
30	JOHOR	BENUT (PONTIAN)	NO. 39 & 40, TINGKAT BAWAH JALAN MUTIARA 4 PUSAT PERNIAGAAN BENUT 82200 BENUT JOHOR DARUL TAKZIM.	COMBO
31	SELANGOR	SAUJANA UTAMA (SG BULOH)	NO. 1-G-50, JALAN BIDARA 6/3 BANDAR SAUJANA UTAMA 47000 SUNGAI BULOH SELANGOR DARUL EHSAN.	COMBO
34	PAHANG	MENTAKAB (TEMERLOH)	NO. 121, TINGKAT BAWAH JALAN TEMERLOH 28400 MENTAKAB PAHANG DARUL MAKMUR.	COMBO
35	SARAWAK	SERIAN* (KOTA SAMARAHAN)	LOT 1401 & 1402 TINGKAT BAWAH BLOK 9, STLD JALAN SERIAN BY-PASS 1 SERIAN JAYA COMMERCIAL CENTRE 94700 SERIAN SARAWAK	COMBO
37	KELANTAN	JELI (TANAH MERAH)	LOT 6491, TINGKAT BAWAH & ATAS HADAPAN BALAI BOMBA & PENYELAMAT TAMAN HAJI HAMAT 17600 JELI KELANTAN DARUL NAIM	COMBO

38	PAHANG	KUALA ROMPIN (MUADZAM SHAH)	NO 70 & 71 JALAN PASAR BANDAR BARU ROMPIN 26800 KUALA ROMPIN PAHANG DARUL MAKMUR	COMBO
39	N. SEMBILAN	ENSTEK (NILAI)	NO. 78-1 & 78-2 MERCATO JALAN TIMUR 6/1B BANDAR ENSTEK 71600 BANDAR ENSTEK NEGERI SEMBILAN	COMBO
41	KEDAH	SIK (GURUN)	NO. 1A & 1B SUSUR ALAMANDA 2 PUSAT PERNIAGAAN ALAMANDA 08200 SIK KEDAH DARUL AMAN	COMBO
44	PERAK	KAMPAR (TAPAH)	NO. 7 & 8, JALAN SISWA 3, TAMAN SISWA, 31900 KAMPAR, PERAK DARUL RIDZUAN	COMBO
45	PERAK	SUNGAI SIPUT (KUALA KANGSAR)	NO. 15, JALAN IPOH 31100 SUNGAI SIPUT (U) PERAK DARUL RIDZUAN.	COMBO
46	SARAWAK	LUNDU (MATANG JAYA)	NO. 76 LUNDU BAZAAR 94500 LUNDU SARAWAK	COMBO
47	SARAWAK	BETONG (SRI AMAN)	NO. SL 8 (1936) BANDAR BARU BETONG PHASE 1, 95700 BETONG, SARAWAK	COMBO
48	SARAWAK	SEBUYAU (KOTA SAMARAHAN)	RAKYAT XCESS SEBUYAU LOT 120, PASAR SEBUYAU 94850 SEBUYAU, SARAWAK	COMBO
49	SABAH	RANAU* (KOTA BELUD)	LOT 9, BLOK C WISMA KOISAAN RANAU, PEKAN RANAU BARU, 89308 RANAU, SABAH	COMBO
50	JOHOR	PARIT SULONG* (YONG PENG)	NO. 4, JALAN SIMPANG LIMA, 83500 PARIT SULONG, JOHOR	COMBO